

123

NO SOALAN : 54

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN MESYUARAT PERTAMA,

PENGGAL KEENAM, PARLIMEN KETIGA BELAS,

MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' RAJA KAMARUL BAHRIN
SHAH BIN RAJA AHMAD
(KUALA TERENGGANU)**

**TARIKH : 14.03.18
(RABU)**

SOALAN:

Minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan berapa orangkah anggota tentera Malaysia berada di Arab Saudi dan apakah tugas-tugas mereka.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Trup Angkatan Tentera Malaysia yang berada di Arab Saudi terdiri daripada 31 Pegawai, 58 anggota Lain-Lain Pangkat dan dua buah pesawat pengangkut C130 Tentera Udara Diraja Malaysia. Tugas utama atau *sole purpose* kehadiran trup ini adalah untuk siap sedia dalam misi evakuasi baki rakyat Malaysia yang masih berada di Yaman memandangkan situasi keselamatan di negara berkenaan yang masih bergolak.